

603:

MAHATHIR-BAHASA

KUALA LUMPUR, 22 APRIL (BERNAMA) -- SUARAT'-SURAT KHABAR DAN MAJALLAH BAHASA INGGERIS BOLEH MEMBANTU PARA PELAJAR MENGUASAI BAHASA ITU DENGAN BAIK KERANA MEMBACA BUKU-BUKU TEKS SAJA TIDAK CUKUP, KATA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED.

OLEH KERANA BAHASA INGGERIS MASIH PENTING UNTUK MENAMBAH PENGETAHUAN TERUTAMA DIPERINGKAT UNIVERSITI DAN MAKTAB, PARA GURU JANGAN MENGECIL-NGECILKAN BAHASA ITU.

LAGIPUN, PELUANG PARA PELAJAR BERTUTUR DALAM BAHASA ITU DIKEBANYAKAN MATA PELAJARAN SAPERTI DULU TIDAK ADA LAGI KERANA BAHASA INGGERIS TELAH DIJADIKAN SALAH SATU MATA PELAJARAN SAJA.

+KITA TIDAK MAHU MUTU KECEKAPAN PELAJAR-PELAJAR DIMASA DEPAN MENGGUNAKAN BAHASA INGGERIS LEBIH RENDAH DARI PELAJAR-PELAJAR YANG DULU+, KATANYA KETIKA BERUCAP DIUPACARA MENYAMPAIKAN HADIAH DI SEKOLAH RENDAH LELAKI METHODIST DISINI. -- BERSAMBUNG
1516/SZ

607:

MAHATHIR-BAHASA 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MAHU PARA GURU MELIPATGANDAKAN USAHA DALAM MATAPELAJARAN INI AGAR MUTU KECEKAPANYA DAPAT DIKEKALKAN.

PERPUSTAKAAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MESTILAH DILENGKAPAKAN DENGAN BUKU-BUKU BAGI MENGGALAKAN MURID-MURID MEMBACA SUPAYA DENGAN CARA INI PENGUASAAN BAHASA INGGERIS AKAN BERTAMBAH.

KATANYA LAGI, KEBANYAKAN ILMU PENGETAHUAN YANG LENGKAP TIDAK DAPAT DITERJEMAHKAN SEMUA DARI BAHASA INGGERIS KE BAHASA MALAYSIA. BAHASA INGGERIS MERUPAKAN BAHASA ANTARABANGSA DAN PENGETAHUAN YANG CEKAP DALAM PENGGUNAANNYA AKAN MEMUDAHKAN PARA PELAJAR KETIKA BERADA DI LUAR NEGERI.

KEPADA MURID-MURID PULA, BELIAU MAHU MEREKA BERLUMBA-LUMBA BELAJAR AGAR SEMANGAT INI DIBAWA TERUS KE SEKOLAH MENENGAH DAN KE PUSAT PENGAJIAN TINGGI. -- BERSAMBUNG QUWPXSZ

609:

MAHATHIR-BAHASA 3 KUALA LUMPUR

APABILA SUDAH TIDAK ADA SEMANGAT ITU, MURID-MURID AKAN MENJADI MALAS DAN KEMUDIAN BENCI UNTUK BELAJAR.

INI AKAN MENDORONGKAN MEREKA MELIBATKAN DIRI DALAM PERBUATAN YANG TIDAK DIINGINI SAPERTI MENJADI PENAGIH DADAH, MENCURI DAN SEBAGAINYA.

BELIAU MAHU IBUBAPA MEMPASTIKAN KEADAAN SAPERTI INI TIDAK BERLAKU. SEBALIKNYA MEREKA HENDAKLAH MENGGALAKAN ANAK-ANAK DALAM KEGIATAN YANG SIHAT SUPAYA DAPAT MELAHIRKAN PEMIKIRAN YANG BAIK DAN PERASAAN TANGGUNGJAWAB. -- -- BERNAMA 1725/SZ

640:

MAHATHIR-BAHASA 4 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN KPD 609)

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BAHAWA KEMENTERIAN PELAJARAN SEDANG MENGAMBIL LANGKAH TEGAS MENYIASAT KEJADIAN PENGAMBILAN DADAH DI KALANGAN PENUNTUT-PENUNTUT SEKOLAH.

TAMBAHNYA, JIKA TERDAPAT TANDA-TANDA YANG SESEORANG MURID ITU TERLIBAT DALAM PERBUATAN SEPERTI ITU MAKA IA AKAN DIHANTAR KE PUSAT PEMULIHAN SUPAYA DAPAT DIUBATI.

LANGKAH SEPERTI ITU, KATANYA, PENTING BAGI MENJAMIN MURID-MURID YANG TERLIBAT TIDAK AKAN TERBIAR BETERUSAN MELAKUKAN PERBUATAN YANG MERUGIKAN MEREKA.

TURUT BERUCAP IALAH Pengerusi Sekolah Tersebut, DR. TAN CHEE KHOON, YANG MENGHARAPKAN SUPAYA KERAJAAN MENGAMBIL LANGKAH PERLU UNTUK MEMBASMI PERBUATAN PENGAMBILAN DADAH DI KALANGAN MURID-MURID SEKOLAH. -- BERNAMA 1858/AI